

Ucapan Leonid Brezhnev menerusi talivisyen Amerika pada 24 Jun, 1973

Tuan-tuan rakyat Amerika yang dihormati,

Dalam lawatan ke negara tuan-tuan ini, saya sangat menghargai peluang yang saya dapat ini untuk berucap terus kepada tuan-tuan melalui bantuan Talivesyen Amerika.

Pertama sekali ingin saya sampaikan kepada tuan-tuan semua ucap selamat dan rasa persahabatan berjuta-juta rakyat Soviet yang telah mengikuti lawatan saya ke negara tuan-tuan ini dan mengadakan rundingan sepenuh minat dengan Presiden Nixon dan berharap bahawa sidang kemuncak Soviet-Amerika ini akan berhasil memperbaiki hubungan antara negara-negara kita dan meneguhkan keamanan sejagat.

Rundingan-rundingan dengan Presiden Nixon dan anggota-anggota lain dalam kerajaan Amerika Syarikat telah berlangsung untuk beberapa hari terus menerus dan dijalankan dengan bersungguh-sungguh. Kami telah datang ke sini sambil mengetahui bahawa ia merupakan rundingan-rundingan yang sangat bertanggungjawab, ditumpukan terhadap soal-soal genting mengenai usaha meneguhkan hubungan Soviet-Amerika dan mencari cara-cara di mana kedua negara boleh memperbaiki lagi seluruh suasana antarabangsa. Kami sekarang mempunyai setiap alasan untuk berkata bahawa harapan-harapan ini adalah benar. Kami berpuas hati dengan arah tujuan yang diambil dalam rundingan-rundingan dan hasil-hasil yang telah pun dicapai. Perjanjian-perjanjian baharu yang ditandatangani di Washington telah banyak memperluas bidang kerjasama

untuk keamanan dan memberi faedah bersama antara Amerika Syarikat dan Republik-Republik Kesatuan Sosialis Soviet. Satu kemajuan yang besar telah dicapai di sepanjang jalan yang kita telah buka bersama setahun yang lalu semasa pertemuan di Moscow.

Secara peribadi, saya juga gembira kerana lawatan ini telah memberi saya satu peluang untuk mendapatkan satu tinjauan yang dekat terhadap Amerika, untuk membiasakan diri dengan setengah-setengah espek kenyataan negara Amerika, untuk menemui pembesar-pembesar negara tuan yang terkemuka serta pemimpin-pemimpin, dan mendekatkan diri dengan cara hidup orang-orang Amerika.

Kamu semua sudah menyedari bahawa, di masa lalu, hubungan di antara kedua negara kita telah berkembang dengan cara yang sangat tidak sejajar ada masa-masanya berlakunya keadaan beku, dan keadaan tinggi rendah, dan mungkin tidak salah bagi saya berkata bahawa kebanyakan negarawan-negarawan yang berpandang jauh telah dengan jelas menyedari betapa mustahaknya hubungan baik antara Soviet Union dan Amerika Syarikat. Dalam hubungan ini kita mungkin teringat tentang masa empatpuluh tahun yang lalu negara kita mengadakan hubungan diplomatik daya usaha Presiden Franklin Roosevelt.

Dalam Perang Dunia Kedua Soviet Union dan Amerika Syarikat adalah negara-negara sekutu. Mereka telah berjuang bersama terhadap fahaman Nazi yang mengancam kebebasan negara-negara, mengancam sendiri tamadun. Pertemuan gembira askar-askar Soviet dan Amerika di tebing Sungai Elbe di masa kemenangan terhadap fahaman Hitler adalah sangat-sangat dikenang oleh negara kita.

Mungkin telah dijangka bahawa pakatan dalam masa peperangan ini akan membawa jalan ke arah satu zaman baharu yang luas, kerjasama keamanan antara Soviet Union dan Amerika Syarikat. Sudah tentu negara kita mahukan ini; kita mahu menguat dan memajukan lagi hubungan baik, yang mana asasnya telah dibena dalam masa perang.

Tetapi suatu yang berbeza telah berlaku. Perang dingin telah berlaku dan bukannya keamanan — satu penggantian yang menyedihkan dan bukan keamanan yang dicapai. Untuk beberapa waktu yang panjang, hubungan antara

kedua negara kita, dan juga hubungan antarabangsa pada keseluruhannya telah diracuni. Malangnya setengah-setengah dari pengaruh jahat dari perang dingin berterusan malah setengah-setengahnya hingga ke hari ini.

Dalam keadaan-keadaan ini, sudah pasti ia bukannya suatu yang susah untuk mengujudkan satu perubahan dari sikap syak-wasangka antara satu sama lain kepada suatu keadaan yang kendur dan mengadakan dan memulihkan kerjasama yang memberi faedah kepada kedua pihak. Ini memerlukan sikap berani dan pandangan politik yang jauh, serta memerlukan banyak tugas yang bersungguh-sungguh dan melibatkan beban yang berat. Kami menghargai kenyataan bahawa Presiden Nixon dan pentadbirannya menyatukan usaha dengan kami bagi membawa hubungan Soviet-Amerika ke arah suatu yang baharu dan yang sebenar.

Saya telah mendengar bahawa tata bahasa politik Amerika mengandungi kata-kata seperti "untuk memenangi keamanan". Saya merasakan bahawa adalah satu detik bersejarah bila kata-kata ini mungkin dengan sesuai sekali dapat digunakan pada saat ini. Kita sama-sama telah memenangi peperangan ini. Hari ini usaha-usaha bersungguh-sungguh kita mesti membantu manusia mendapatkan keamanan yang kekal. Kemungkinan berlakunya satu perang baharu mesti dinafikan sepenuhnya.

Hasil-hasil dari sidang-sidang kemuncak antara Soviet Union dan Amerika Syarikat dan semua yang telah dicapai dalam tahun-tahun antara kedua sidang itu, menunjukkan dengan penuh keyakinan bahawa banyak kemajuan penting telah pun dicapai. Ia menghasilkan bahawa satu cara saksama, diterima oleh kedua pihak, boleh didapati dari banyaknya soalan yang nampaknya masih belum terjawab. Hanya baharu-baharu ini mungkin dirasakan begitu sukar walaupun untuk meramalkan bahawa kemajuan yang demikian boleh dicapai.

Perjanjian-perjanjian yang ditandatangani tahun lalu telah dengan berjayanya dilaksanakan pada keseluruhannya. Terdapat kemajuan yang boleh dipandang hampir di semua bidang, dan kemajuan yang didapati ini adalah hasil dari usaha bersama. Permulaan perkhidmatan kapal penum-

pang biasa antara Leningrad dan New York, penubuhan pejabat-pejabat Konsol Agung di Leningrad dan San Francisco, bermulanya hubungan persahabatan antara bandar-bandar di USSR dan USA, semakin banyaknya pertukaran-pertukaran di bidang sukan, semuanya ini pada hari ini menjadi sebahagian dari cara hidup rakyat-rakyat kedua negara kita.

Bukti yang sebaiknya tentang hubungan Soviet-Amerika tidak beku, tetapi berkembang dapat dilihat dari dokumen penting yang mana telah ditandatangani oleh Presiden Nixon dan saya sendiri baharu-baharu ini — Perjanjian Antara Republik-Republik Kesatuan Sosialis Soviet dan Amerika Syarikat mengenai Mencegah Perang Nuklear. Saya tidak fikir tidak mungkin saya akan dituduh menokok-tambah, jika saya berkata ini adalah satu dokumen yang penting di segi sejarah.

Republik-Republik Kesatuan Sosialis Soviet dan Amerika Syarikat telah menandatangani satu perjanjian bertujuan mengelakkan meletusnya perang nuklear antara mereka, satu perjanjian bagi mereka melakukan apa sahaja yang terdaya bagi mencegah secara umum meletusnya perang nuklear. Pentingnya ini terhadap keamanan dan keamanan rakyat kedua negara kita dan bagi memperbaiki harapan untuk satu kehidupan yang aman bagi semua manusia adalah jelas.

Namun jika perjumpaan kita yang kedua ini tidak mendatangkan hasil selain dari ini, bolehlah dikatakan berpandukan keadilan bahawa ia akan mendudukan tempat yang berharga dalam sejarah perkembangan hubungan Soviet Amerika, dan kehidupan antarabangsa pada keseluruhannya.

Sekarang seluruh dunia boleh lihat bahawa kedua-dua negara kita, selepas menandatangani dokumen asas tahun lalu mengenai "Prinsip-Prinsip Asas Hubungan Bersama Antara Republik-Republik Kesatuan Sosialis Soviet dan Amerika Syarikat" menganggapnya bukan sahaja satu peristiwa yang berniat baik, tetapi sebagai satu rancangan tindakan yang bersungguh-sungguh dan sejajar — satu rancangan yang mereka telah pun mula melaksanakan dan dengan tegas untuk terus melaksanakannya.

Tidaklah pula kecil pentingnya bahawa negara-negara kita telah bersetuju pada prinsip-prinsip bagi usaha selanjutnya mengadakan satu perjanjian baharu yang lebih luas mengenai menghadkan senjata-senjata strateji, dan yang bertujuan bagi masa yang lebih panjang. Ini bererti bahawa usaha yang sangat penting ini yang bermula dalam bulan Mei, 1972 di Moscow sedang mara terus ke hadapan. Ia bererti bahawa persefahaman politik disetarakan pula dengan pengenduran di bidang ketenteraan. Ini akan memberi faedah kepada semua rakyat dan untuk matalamat keamanan pada amnya.

Wakil-wakil dari kedua negara kita juga telah menandatangani perjanjian-perjanjian baharu mengenai kerjasama Soviet-Amerika dalam beberapa bidang yang tertentu. Bersama-sama dengan perjanjian-perjanjian yang telah ditandatangani terdahulu dari ini dalam masa beberapa tahun yang lalu, ia meliputi satu rangka dokumen-dokumen yang menarik berhubung dengan kerjasama kedua negara kita, dua negara yang besar, dalam bidang-bidang yang berbagai rupa — bermula dari penggunaan tenaga atom secara aman untuk pertanian, meluas hingga ke bidang angkasalepas hinggalah ke dasar-dasar laut semudera.

Sudah pasti Soviet Union dan Amerika Syarikat adalah negara yang mempunyai keperluan yang cukup bagi diri sendiri, jika ini hendak dipercakapkan. Dan ini malah telah menjadi satu perkara utama hingga ke sekarang ini dalam rangka persahabatan antara negara-negara kita. Tetapi pada waktu yang sama kedua kita dan ramai rakyat Amerika menyedari sebenarnya bahawa dengan menolak kerjasama di bidang-bidang ekonomi, sains, teknologi dan kebudayaan bererti satu penolakan terhadap faedah-faedah besar lain yang boleh didapati dan juga keuntungan-keuntungan yang akan diperolehi oleh kedua pihak. Tambahan pula ini akan menjadi suatu penolakan yang sepenuhnya tanpa tujuan, yang tidak dapat diterima walaupun apa alasan menasabah yang diberi.

Ini terutama sekali adalah mengenai ekonomi. Sekarang saya fikir kita semua telah bersetuju bahawa adalah tidak mencukupi semata-mata mengatasi keadaan tidak wajar yang ditimbulkan oleh perang dingin, mengenai bekunya perdagangan antara Soviet-Amerika. Hidup pada hari ini

mengemukakan pada kita persoalan-persoalan yang lebih besar. Dalam pikiran saya, pertama sekali, saya menganggap hubungan-hubungan ekonomi yang demikian hendaklah stabil, hubungan-hubungan meluas di berbagai cabang ekonomi, dan kerjasama jangka panjang di bidang sains dan teknologi, sesuatu yang dalam zaman kita ini sangatlah penting. Hubungan-hubungan yang kita adakan dengan pegawai-pegawai dan ahli-ahli perniagaan dari negara tuan mengesahkan bahawa hanya dengan melalui dengan tepatnya jalan-jalan inilah terdapat harapan bagi memajukan terus kerjasama ekonomi antara kedua negara kita.

Seseorang itu kadangkala mungkin mendengar dakwaan-dakwaan bahawa usaha memajukan terus kerjasama yang demikian adalah suatu yang berat sebelah, dan hanya memberi keuntungan kepada Soviet Union sahaja. Tetapi perkara ini hanya akan diucapkan oleh seorang yang sepenuhnya tidak tahu tentang keadaan yang sebenar, atau seorang yang sengaja hendak membutakan mata terhadap kebenaran.

Kebenaran dalam hal ini ialah bahawa dari berkembangnya dan bertambah mendalamnya kerjasama ekonomi pada umumnya dan perbincangan-perbincangan yang meluas dan bagi jangka yang panjang antara pertubuhan-pertubuhan Soviet dengan firma-firma Amerika samada sedang berjalan atau tamat dengan jayanya, kedua pihak mesti telah memperoleh keuntungan-keuntungan yang sebenarnya dan yang dapat dilihat. Kita telah mendapat pengesahan yang jelas tentang hal ini dari wakil-wakil kalangan perniagaan Amerika Syarikat yang mana saya telah berpeluang bercakap dengan mereka, samaada di Amerika Syarikat, dan sebelum ini di Moscow. Presiden Nixon dan saya juga telah membincangkan perkara ini dalam rundingan-rundingan yang kami adakan.

Saya ingin menambah dalam hal ini bahawa pucuk pimpinan Soviet Union dan begitu juga dengan pihak kerajaan Amerika Syarikat seperti yang saya fahami bahawa mereka memberi keutamaan terhadap kenyataan bahawa usaha memajukan kerjasama ekonomi jangka panjang juga akan menelurkan hasil-hasil politik yang berguna; ia akan meneguhkan lagi keadaan baik yang jelas kelihatan dalam hubungan-hubungan Soviet-Amerika pada keseluruhannya.

Terdapat juga harapan-harapan baik, seperti yang kita lihat bagi memajukan terus secara meluas pertukaran-pertukaran Soviet-Amerika di bidang kebudayaan. Kedua negara kita mempunyai banyak yang dapat disumbangkan kepada satu sama lain dalam bidang ini. Untuk hidup dalam keadaan aman, adalah perlu bagi kedua negara mempercayai satu sama lain dan untuk berbuat demikian setiap pihak mesti mengetahui satu sama lain dengan lebih dekat. Dalam apa hal sekalipun kami mahu rakyat Amerika mengetahui, seberapa banyak yang boleh dan secara yang sebenarnya, cara hidup kita dan cara kita berfikir.

Pada keseluruhannya kita boleh berkata bahawa banyak sudah telah dicapai dalam memajukan hubungan Soviet-Amerika. Tetapi kita masih berada di permulaan satu jalan yang panjang. Kita mesti sentiasa menunjukkan perhatian untuk melindungi dan memelihara umbut baharu dari hubungan yang baik. Usaha yang tidak mengenal penat lelah dikehendaki bagi menentukan jenis kerjasama yang sangat diperlukan dan sesuai sekali di berbagai-bagai bidang. Kesabaran adalah dikehendaki dalam memahami keadaan ini dan juga sifat-sifat tertentu di pihak yang satu lagi serta untuk mempelajari cara menjalankan urusan dengan satu sama lain dalam semangat yang baik.

Saya berpendapat mereka yang menyokong perkembangan yang radikal dalam hubungan antara Soviet Union dengan Amerika Syarikat mungkin akan memandang ke hadapan dengan penuh optimis, kerana matalamat ini adalah bagi faedah rakyat kedua negara dan untuk kepentingan-kepentingan rakyat di dunia yang cintakan keamanan.

Suasana umum di dunia bergantung, sebahagian besarnya terhadap suasana yang terdapat dalam hubungan antara kedua negara kita. Tidak ada kekuatan ekonomi dan ketenteraan, atau pun sanjungan antarabangsa yang diberi kepada negara kita yang menambahkan hak-hak kita, tetapi telah melaburkannya dengan tanggungjawab khas bagi menentukan masa depan keamanan dunia, bagi mencegah peperangan. Dalam caranya untuk mengadakan hubungan dan rundingan dengan Amerika Syarikat, pihak Soviet Union adalah menyedari sepenuhnya tanggungjawab ini.

Kami menganggap bahawa kemajuan hubungan Soviet-Amerika bukanlah sebagai satu fenomena yang tunggal, tetapi sebagai salah satu dari bahagian penting dalam satu proses luas bagi membersihkan secara radikal suasana antarabangsa. Dunia telah pun berkembang pesat melampaui benteng perisai perang dingin, dalam mana cubaan-cubaan telah dibuat untuk membendungnya. Manusia mahu bernafas secara bebas dan aman. Dan kita akan mengalu-alukannya jika usaha-usaha kita memperbaiki hubungan Soviet-Amerika dalam menolong mempengaruhi lebih ramai negeri ke dalam satu bentuk persefahaman, samada di Eropah atau Asia, di Afrika atau Amerika Latin di Timur Tengah atau di Timur Jauh.

Kami menganggap adalah satu faktor yang sangat positif bahawa pemulihan hubungan Soviet-Amerika akan menyebabkan mudahnya pelaksanaan tugas yang besar dan penting bagi meneguhkan keamanan dan keselamatan di Eropah termasuk mengadakan satu persidangan semua negara di Eropah.

Hubungan Soviet-Amerika yang kian bertambah baik telah sudah pasti memainkan peranan dalam menolong menamatkan perang Vietnam yang telah memakan masa yang begitu lama itu. Oleh kerana sekarang persetujuan bagi menamatkan perang Vietnam itu telah dikuatkuasakan, kedua negara kita bersama-sama dengan negeri-negeri lain telah pun menandatangani perjanjian yang dipersetujui dalam Sidang Paris mengenai Vietnam, kami mensifatkan adalah sangat penting sekali bahawa kejayaan itu dikukuhkan, dan semua rakyat-rakyat di Indochina diberi peluang hidup dalam keadaan aman.

Dalam pada itu masih terdapat kawasan-kawasan ketegangan yang merbahaya di dunia. Dalam rundingan kami, Presiden Nixon dan saya telah menyentuh tentang keadaan di Timur Tengah yang masih berada dalam keadaan genting. Kami percaya bahawa keadilan mesti dijamin di kawasan itu secepat mungkin dan bahawa satu penyelesaian aman yang berkekalan mesti dicapai — satu penyelesaian yang akan mengembalikan dengan wajarnya hak-hak mereka yang menerima akibat dari perang dan menentukan keselamatan semua rakyat di kawasan yang luas ini. Ini

adalah penting bagi semua rakyat di Timur Tengah, dan juga penting bagi menjamin keamanan sejagat. Dengan lain perkataan, penghapusan pertikaian-pertikaian yang telah timbul itu, dan mencegah berlakunya krisis-krisis baharu, keadaan adalah mustahak bagi mengujudkan jaminan-jaminan sebenar untuk keamanan yang boleh dipegang. Dan kedua negara kita telah diminta membuat sumbangan yang berguna dalam hal ini. Tuan Presiden dan saya telah menumpukan perhatian banyak terhadap persoalan-persoalan ini dalam masa rundingan-rundingan kami beberapa hari yang lalu.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa, dalam masa membincangkan soal-soal hubungan dua-hala dan masalah-masalah antarabangsa secara am, kami telah memberi perhatian terhadap kenyataan bahawa kedua negara Soviet Union dan Amerika Syarikat mempunyai negara-negara sekutunya dan tanggungjawab-tanggungjawab terhadap setengah-setengah negara lain. Perlu dijelaskan sepenuhnya bahawa semangat yang ada dalam rundingan-rundingan kami dan kemudiannya perjanjian yang ditandatangani itu telah diberi pertimbangan sewajarnya.

Tajuk utama rundingan-rundingan dan perjanjian dalam bidang hal ehwal antarabangsa adalah penegasan yang diberi oleh kedua pihak untuk menjadikan hubungan baik antara USSR dan Amerika Syarikat suatu faktor yang kekal bagi keamanan antarabangsa.

Malah hingga ke hari ini, seperti yang tuan-tuan tahu, masih ramai orang yang lebih suka menjerit tentang persiapan-persiapan ketenteraan dan perlumbaan senjata, dan bukannya membincangkan soal mengujudkan persefahaman dan kerjasama keamanan dalam semangat yang membina.

Apakah yang boleh dikatakan tentang ini? Rakyat Soviet mungkin lebih mengetahui dari orang lain tentang apa sebenarnya perang. Dalam Perang Dunia Kedua kami telah memperoleh satu kemenangan yang penting dari segi sejarah dunia. Tetapi lebih 20 juta warganegara Soviet telah mati dalam peperangan itu, 70,000 dari pekan dan kampung-kampung kami telah musnah terbakar. Sepertiga dari kekayaan negara kami telah hancur.

Sekarang parut perang tersebut telah pun sembuh. Hari

ini Soviet Union adalah lebih kukuh kedudukannya dan juga lebih makmur dari dahulu. Tetapi kami telah banyak belajar dari peperangan itu. Dan adalah semata-mata kerana sebab inilah bahawa rakyat Soviet Union menghargai dengan tingginya keamanan dan mempersetujui sepenuhnya dasar bercorak untuk keamanan yang dijalankan oleh Parti kami dan juga kerajaan.

Pada kami keamanan adalah satu kejayaan yang paling tinggi sekali, yang patut dituntut oleh orangramai jika mahu menghargai nyawa-nyawa mereka. Kami percaya bahawa alasan ini mesti diakui dan yakin bahawa kepercayaan ini dipegang bersama oleh rakyat Amerika Syarikat dan negara-negara lain. Jika kepercayaan ini dihapuskan, jika ia digantikan dengan kepercayaan kekuatan yang membabi buta semata-mata, ia adalah satu pandangan yang meyedihkan bagi tamadun manusia dan bagi kemanusiaan.

Jalan bersejarah yang telah sama-sama kita lalui bukanlah suatu yang susah. Rakyat kami berbangga dengan kenyataan bahawa dalam masa yang pendek dan bersejarah selepas kemenangan revolusi sosialis, sebuah negara Rusia yang mundur telah ditukar menjadi satu kuasa perusahaan yang besar, yang telah mencapai kejayaan yang cemerlang dalam bidang-bidang sains dan kebudayaan. Kami merasa bangga bahawa kami telah membina satu masyarakat baharu, masyarakat yang berkeyakinan untuk membangun serta stabil, yang telah memberi kepada semua warganegara kami keadilan sosial, dan dalam mana kekayaan tamadun moden dimiliki oleh rakyat semua. Kami berbangga dengan kenyataan bahawa banyak negara yang tertindas dan warganegara negeri kami telah mencapai persamaan hak yang tulen dan hidup dalam masyarakat keluarga yang berbaik-baik sangka, dengan jayanya memajukan ekonomi-ekonomi dan kebudayaan-kebudayaan mereka sendiri.

Kami mempunyai rancangan-rancangan besar bagi masa hadapan. Kami mahu dengan berkesannya meninggikan lagi taraf hidup rakyat Soviet. Kami mahu mencapai kejayaan seterusnya di bidang-bidang pendidikan dan perubatan. Kami mahu menjadikan pekan-pekan dan kampung-kampung kami lebih sesuai dan selesai untuk hidup di dalamnya di samping ia juga kelihatan lebih cantik.

Kami telah memberikan garis-garis rancangan bagi memajukan kawasan-kawasan pendalaman di Siberia, dan bahagian utara dan Timur Jauh dengan menggunakan sumber-sumber mereka yang tidak dapat dikira banyaknya itu. Dan setiap rakyat Soviet mengetahui sepenuhnya bahawa untuk menjayakan rancangan-rancangan ini memerlukan yang utama sekali ialah keamanan, dan kerjasama keamanan dengan negeri-negeri lain.

Kami sudah tentu, seperti juga dengan negara lain, mempunyai kesulitan-kesulitan dan masalah-masalah. Tetapi penyelesaian-penyelesaian bagi semua masalah yang kami hadapi, seperti juga yang dihadapi oleh rakyat-rakyat lain, memerlukan bukannya peperangan, atau menambahkan lagi ketegangan secara sengaja, tetapi keamanan dan kerja keras yang kreatif. Kami pasti bahawa ini sahajalah yang boleh menjamin kehidupan baik bagi rakyat kami dan menyediakan semua keperluan, samada kebendaan dan kerohanian bagi setiap anggota masyarakat.

Saya telah cuba menerangkan secara ringkas di sini pemikiran-pemikiran dan rancangan-rancangan rakyat Soviet supaya dapat menjelaskan tentang keadaan rupa dasar luar negeri Soviet. Orientasinya yang bercorak keamanan berasal dari saripati masyarakat kami. Pendapat sebenar tentang hidup bersama secara aman, yang mana di hari ini semakin bertambah diakui sebagai asas bagi hubungan yang dimajukan antara negeri-negeri yang mempunyai sistem-sistem sosial yang berbeza, telah dirangka oleh pengasas negeri Soviet, Vladmimir Ilyich Lenin.

Kamu semua mungkin tahu bahawa dua tahun yang lalu tentang Kongres ke 24 parti kami yang memerintah — Parti Komunis Soviet Union, yang telah meluluskan satu Rancangan Keamanan yang menjadi pegangan yang kukuh tentang dasar hidup bersama secara aman dalam keadaan-keadaan moden. Ini adalah satu rancangan yang memberi satu peluang sumbangan yang aktif terhadap tercapainya persefahaman antarabangsa, bagi mengujudkan keamanan yang kekal di seluruh dunia bagi beberapa jenerasi yang akan datang. Ia menyatakan bukan sahaja pendapat-pendapat dan tujuan-tujuan warganegara-warganegara negeri kami, tetapi juga, kami pasti, hasrat-hasrat berjuta-juta rakyat

yang cintakan keamanan di seluruh dunia. Kami sedang melaksanakan rancangan ini, bekerja rapat dengan rakan-rakan dan negara-negara sekutu kami itu negara-negara sosialis. Berdasarkan asas rancangan ini kami berharap untuk mengujudkan hubungan-hubungan muhibbah dan kerjasama yang memberi faedah bersama dengan semua negara yang mempunyai keinginan yang sama. Dan usaha memperbaiki hubungan Soviet-Amerika mempunyai kedudukan yang sewajarnya dalam rancangan tersebut.

Saudara-saudara sekalian yang dihormati, betapa penting dan rumitnya masalah-masalah dalam agenda rundingan-rundingan saya dengan Presiden Nixon, mengenai perjumpaan-perjumpaan dan rundingan-rundingan kami dengan anggota-anggota Jawatankuasa Senet Mengenai Hubungan Luar, diketuai oleh Senator Fulbright dan dengan wakil-wakil terkemuka dari kalangan ahli-ahli dan masyarakat perniagaan Amerika — semuanya ini dengan tidak dapat dielakkan lagi memerlukan satu urusan tugas yang ketat dalam masa lawatan ini. Seperti yang telah saya sebut, rundingan-rundingan yang mendatangkan hasil ini, diadakan dalam suasana yang baik, dan ini dengan tidak dapat tidak memberikan kami sebab untuk berpuas hati.

Pada waktu yang sama, saya sangat menyesali bahawa oleh kerana tekanan-tekanan urusan telah tidak dapat memberikan saya, dan rakan-rakan saya yang mengiringi saya dan mengambil bahagian dalam usaha bersama kita, satu peluang untuk melihat lebih banyak tentang negara tuan. Tetapi di Moscow, dan di Amerika Syarikat ini, saya telah menerima banyak surat-surat ucap selamat dari berbagai bandaraya-bandaraya Amerika, pertubuhan-pertubuhan syarikat-syarikat dan warganegara-warganegara persendirian dengan hormatnya menjemput saya melawat pekan-pekan, untuk melihat kilang-kilang, ladang-ladang dan universiti-universiti dan rumah-rumah persendirian orang-orang Amerika. Saya ingin mengambil peluang ini untuk menyuarakan rasa terimakasih saya yang ikhlas kepada semua penulis-penulis surat tersebut. Saya merasa kesal, oleh kerana sebab-sebab yang telah pun disebut di atas, saya tidak dapat memenuhi jemputan-jemputan tersebut. Sudah tentu adalah suatu yang sangat menarik untuk melawat New York dan Chicago, Detroit dan Los Angeles,

untuk melihat pengusaha-usaha perindustrian dan ladang-ladang, dan untuk bercakap dengan golongan pekerja di Amerika, yang mana kejayaan-kejayaan mereka sangat dihargai dan dihormati oleh rakyat Soviet. Mungkin masa-masa yang akan datang akan membuka lagi peluang demikian terutama sekali oleh kerana Presiden Nixon dan saya sendiri telah bersetuju bahawa hubungan-hubungan kita dari sekarang ini hendaklah sentiasa diadakan. Kami memandangkan kehadiran untuk menyambut lawatan Presiden Nixon ke Soviet Union tahun hadapan.

Tetapi walaupun lawatan singkat ini tidak memberi saya peluang untuk melihat lebih banyak tentang Amerika seperti yang saya ingini namun begitu saya mempunyai setiap alasan, bila pulang ke tanahair nanti untuk memberitahu rakan-rakan saya dan rakyat Soviet kedua-duanya tentang hasil-hasil politik yang penting dari lawatan ini dan mengenai suasana muhibbah dan suasana yang baik untuk keamanan, persefahaman dan hubungan-hubungan yang diperbaiki antara kedua negara kita. Ini adalah satu suasana yang telah kami rasa semasa kami berada di Amerika Syarikat dan semasa hubungan-hubungan kami dengan Kerajaan dan pemimpin-pemimpin awam negara tuan, dan dengan ramai warganegara Amerika. Saya boleh memberi jaminan kepada kamu bahawa perasaan-perasaan ini adalah sepenuhnya dirasakan juga oleh rakyat Soviet.

Saya tidak fikir yang saya telah memberikan sebarang rahsia jika saya memberitahu kamu bahawa dalam rundingan-rundingan kami dalam masa beberapa hari yang lalu Presiden Nixon dan saya memberi perhatian kami bukan sahaja terhadap masalah-masalah politik sekarang tetapi juga untuk meninjau jauh ke hadapan dan untuk mengambil perhatian tentang kepentingan-kepentingan rakyat kedua-dua buah negara kita di masa akan datang. Dalam melakukan ini kami bermula dari anggapan bahawa dalam politik, mereka yang tidak memandang jauh ke hadapan dengan tidak dapat tidak akan mendapati diri mereka ketinggalan di belakang di kalangan orang-orang yang sememangnya lambat mara ke hadapan. Dalam masa setahun yang lalu di Moscow, kami telah meletakkan asas-asas bagi memperbaiki hubungan Soviet Amerika. Sekarang kita telah mencapai satu peringkat kejayaan dalam matlamat besar

dan mustahak ini. Adalah menjadi harapan kita bahawa keadaan ini akan berterusan, kerana ia memenuhi kepentingan-kepentingan rakyat kedua buah negara kita yang besar dan juga untuk semua manusia.

Sebagai penutup, saya ingin menyatakan rasa terimakasih saya yang ikhlas kepada rakyat Amerika dan kepada Presiden dan Kerajaan Amerika Syarikat kerana sambutan mereka, dan kerana kebaikan mereka dan juga kerana ucapan-ucapan takzim yang banyak kepada rakyat Soviet dan kami, serta wakil-wakil mereka.

Tuan-tuan warganegara-warganegara Amerika yang dihormati, harap terimalah ucap selamat saya kepada setiap orang daripada kamu bagi kebahagiaan dan kegembiraan kamu.